

PELAKSANAAN AKUJANJI BAJET 2017 :
PROJEK PENAMBAHBAIKAN LORONG
MOTORSIKAL LEBUHRAYA PERSEKUTUAN

JELAJAH FTROADPEDIA ZON
SELATAN KEMENTERIAN
KERJA RAYA

JELAJAH FTROADPEDIA ZON
UTARA KEMENTERIAN KERJA
RAYA

MEI - OGOS 2017

BINA⁰²

KEMENTERIAN KERJA RAYA




ISSN 2600-8610



9 772600 861008

KANDUNGAN BINA 02

MEI - OGOS 2017



B ERITA

03 — PELAKSANAAN AKUJANJI BAJET 2017: PROJEK PENAMBAHBAIKAN LORONG MOTORSIKAL LEBUHRAYA PERSEKUTUAN FT02

K HAS

04 — JELAJAH FTROADPEDIA ZON SELATAN

05 — LAWATAN TAPAK PROJEK FTROADPEDIA ZON SELATAN

06 — JELAJAH FTROADPEDIA ZON SELATAN KEMENTERIAN KERJA RAYA SELANGOR – NEGERI SEMBILAN – MELAKA – JOHOR

14 — JELAJAH FTROADPEDIA ZON UTARA

15 — LAWATAN PROJEK FTROADPEDIA ZON UTARA

16 — JELAJAH FTROADPEDIA ZON UTARA KEMENTERIAN KERJA RAYA PERAK – PULAU PINANG – KEDAH - PERLIS

M EDIA SOSIAL

18 — LAPORAN

A KHBAR

19 — KERATAN AKHBAR



Menteri Kerja Raya meninjau keadaan lorong motosikal Lebuhraya Persekutuan

PROJEK PENAMBAHBAIKAN LORONG MOTORSIKAL LEBUHRAYA PERSEKUTUAN FT02

KUALA LUMPUR, 15 JUN 2017:

Lebih 55,000 penunggang motosikal bakal menikmati perjalanan yang lebih selesa dengan pembinaan dua jejambatan (overhead bridge) dan kerja-kerja naik taraf di lorong motosikal Lebuhraya Persekutuan FT02 yang menelan belanja RM29

juta. Projek naik taraf ini susulan pengumuman YAB Perdana Menteri sewaktu Bajet 2017.

Projek naik taraf di lorong motosikal ini bermula Jun 2017 dan dijangka siap pada April 2018. Antara kerja-kerja naik taraf yang akan dilaksanakan adalah pembinaan dua buah jejambatan (overhead bridge) di Jalan 222 dan bersebelahan, melebarkan jalan sedia ada kepada 3.0 meter (bergantung pada ruang yang ada), menambahbaik rekabentuk geometrik mengikut standard piawaian JKR, menambahbaik sistem perparitan dan pembentungan, menambahbaik jalan susur keluar masuk, menambahbaik rumah pam, naiktaraf sistem pencahayaan di dalam terowong, sebelum dan selepas terowong dan traffic Management Plan (TMP).



Acara perasmian kerja penambahbaikan lorong motosikal

Tahun lalu pada 29 Ogos 2016, YB Dato' Sri Hj. Fadillah bin Hj. Yusof, bersama pihak Pengurusan Tertinggi Kementerian telah mengadakan lawatan rasmi ke laluan lorong motosikal ini dan susulan daripada lawatan tersebut, YB Menteri Kerja Raya telah meluluskan peruntukan sebanyak RM500 ribu untuk melaksanakan kerja-kerja meningkatkan tahap keselamatan lorong motosikal dan telah dimulakan pada 15 September 2016 dan siap sepenuhnya pada 16 Disember 2016.

JELAJAH FTROADPEDIA ZON SELATAN

JOHOR, 8 MEI 2017

FTRoadpedia Zon Selatan telah memulakan jelajahnya pada 7 hingga 9 Mei 2017, melibatkan laluan Jalan Persekutuan di Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Perjalanan kali ini membabitkan Jalan Persekutuan FT01, FT05, FT19, FT95, FT52 dan FT23 yang melibatkan laluan sepanjang 688 kilometer.

Cetusan idea Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof bertujuan mengembalikan era kegemilangan jalan-jalan persekutuan yang sewajarnya dekat di hati rakyat.

Dengan slogan "Cipta Detik Indah Bersama" (Let's Create A Moment), jelajah FTroadpedia ingin mengukir kembali keseronokan yang pernah dikecapi oleh rakyat Malaysia dimana Jalan Persekutuan ini percuma, dibina untuk memudahkan pergerakan rakyat dan menjadi jalan utama menghubungkan bandar, kota, pekan dan kampung di seluruh tanah air.

Sebanyak 15 agensi media yang terdiri daripada media cetak dan elektronik telah dijemput untuk melihat dan merasai sendiri kesegaran dan pengalaman baru dalam menggunakan jalan persekutuan untuk disebarluaskan manfaatnya kepada masyarakat.

Pada Majlis Perasmian Penutup, satu acara simbolik penyerahan buku Travel Guide FTRoadpedia Zon Selatan oleh YBhg. Ketua Pengarah Kerja Raya kepada wakil Menteri Besar Johor dan YB Menteri Kerja Raya telah diadakan. Buku Travel Guide ini adalah buku panduan yang lengkap untuk pengguna jalan persekutuan yang mengandungi informasi lokasi menarik, makanan unik dan tempat ibadat.



Acara pelepasan pasukan Jelajah di Beranang, Selangor



Keceriaan pasukan Jelajah sebelum memulakan perjalanan



Papan tanda Kilometer Sifar menandakan permulaan kiraan kilometre Jalan Persekutuan

LAWATAN TAPAK PROJEK FTROADPEDIA ZON SELATAN


A

PROJEK MENAIKTARAF JAMBATAN PARIT KELILING BATU PAHAT



Tinjauan kerja pembinaan jambatan

- 1 Projek menggantikan jambatan sedia ada di Jalan Persekutuan FT05



- 2 Jambatan ini diganti bagi menampung jumlah peningkatan kenderaan
- 3 Jambatan ini bakal memberi manfaat kepada 200 ribu masyarakat di Batu Pahat .
- 4 Pembinaan projek ini dimulakan pada pada 13 Januari 2016 dan tarikh dijangka siap pada 13 Jun 2017 (18 bulan).

- 5 Nilai kontrak semasa adalah sebanyak RM7.6 juta.



- 6 Projek ini dilaksanakan oleh kontraktor tempatan iaitu Mufasirin Bina Sdn. Bhd.
- 7 Skop kerja adalah meliputi Pembersihan Tapak dan Kerja Perobohan, Kerja Tanah, Kerja Longkang, Kerja Turapan, Perabot Jalan, Struktur Jambatan, Pengurusan Trafik dan Kawalan, Kerja Perlindungan Alam Sekitar dan Kerja Rutin Penyelenggaraan dan mengurangkan kesesakan

B

PROJEK PERINTIS CMA - KAMPUNG DESA TEMU JODOH

- 1 Projek Membina Semula Jalan Persekutuan FT01 dari Kampung Desa Temu Jodoh (Seksyen 134), hingga Kampung Kwong Sai (Seksyen 174), Daerah Segamat, Johor.
- 2 Menjadi lokasi perintis turapan jalan menggunakan Asphalt Terubahsuai Getah Bekuan ('Cuplump Modified Asphalt' – CMA)
- 3 Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM)



Taklimat kaedah CMA

- 4 Antara kelebihan penggunaan CMA ialah dapat memberi rintangan lebih baik ke atas faktor-faktor yang boleh menyebabkan kerosakan jalan seperti retakan dan aluran ('rutting').



Antara tetamu yang hadir mendengar taklimat

- 5 Kos penyelenggaraan jalan CMA lebih rendah berbanding jalan konvensional. Walaupun kos pembinaan jalan menggunakan CMA lebih tinggi berbanding kaedah konvensional namun lebih ekonomik untuk tempoh jangka panjang



Jelajah
FTROADPEDIA
KEMENTERIAN KERJA RAYA



FT01



1



FT01




FT05



FT05


3



4



5



6





JELAJAH FTROADPEDIA ZON SELATAN KEMENTERIAN KERJA RAYA


SELANGOR - NEGERI SEMBILAN MELAKA- JOHOR

• **FTRoadpedia** bermaksud JELAJAH BERMAKLUMAT melalui JALAN PERSEKUTUAN FT (Federal Trunk) .


- 1 KUALA LUMPUR
- 2 BERANANG
- 3 REMBAU
- 4 KLEBANG
- 5 MELAKA
- 6 TANGKAK
- 7 PONTIAN
- 8 TANJUNG PIAI
- 9 JOHOR BHARU
- 10 AYER HITAM
- 11 SEGAMAT

7-9 Mei 2017

Laluan




“CIPTA DETIK INDAH BERSAMA”



Nilai, Negeri Sembilan

25 Mei 2017

Majlis perasmian Velodrom Nasional Malaysia di Nilai oleh Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Mohamad Hassan, Menteri Belia dan Sukan Khairy Jamaluddin dan Menteri Kerja Raya Datuk Fadillah Yusof. Velodrom bernilai RM80 juta itu digunakan untuk temasya Sukan SEA Kuala Lumpur dan Sukan Para Asean 2017




Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid, Kementerian Kerja Raya

22 Ogos 2017

Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR Malaysia yang julung kali diadakan bertujuan berkongsi dan menyebarkan pengetahuan berkaitan bidang teknikal dan industri kejuruteraan telah disempurnakan oleh YB Menteri Kerja Raya, serta disertai 32 agensi teknikal yang mengadakan pameran industri serta pameran jentera.






**Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid
Kompleks Kerja Raya
Kementerian Kerja Raya**

4 Mei 2017


Sesi Sembang Transformasi Nasional 2050 (TN50) Profesional Muda Industri Pembinaan menjadi platform mengumpul idea dan pandangan daripada profesional muda industri pembinaan bagi mencetus aspirasi, merancang dan mencorakkan industri pembinaan menuju tahun 2050. Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof hadir selaku moderator.



**Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid,
Kementerian Kerja Raya**

20 Julai 2017

Majlis jamuan Hari Raya KKR dihadiri Menteri Kerja Raya Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof serta agensi-agensi dibawah Kementerian.



Pengerang, Johor

14 Mei 2017

Lawatan Kerja Menteri Kerja Raya ke tapak projek P4 bagi membina jalan raya 4 lorong 2 hala dari Jalan FT92 persimpangan Bukit Gelugor ke persimpangan Punggai J91.



Semabok, Melaka

14 Ogos 2017

Menteri Kerja Raya mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Kebangsaan (Cina) Semabok, Melaka yang terpilih dalam projek penambahbaikan sekolah-sekolah daif menggunakan kaedah teknologi Sistem Binaan Berindustri (IBS). Lebih RM20 ribu ringgit diperuntukkan kepada 19 sekolah dari empat negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang.





Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kementerian Kerja Raya

16 Mei 2017

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KKR tahun 2017 meraikan 75 orang penerima warga KKR, 665 orang warga JKR, 75 orang warga CIDB, dan 28 orang warga LLM. Anugerah telah disampaikan oleh Menteri Kerja Raya dan Pengurusan Tertinggi dengan tema 'Warga Berprestasi Menjana Produktiviti'.




Akademi Binaan Malaysia (ABM) Wilayah Utara, Sintok, Kedah

15 Ogos 2017

Pertandingan Worldskills Malaysia Belia (WSMB) ke-44 peringkat akhir telah mengumpulkan seramai 64 orang peserta melibatkan 9 bidang sektor pembinaan daripada seluruh Negara bertujuan memilih dan mengiktiraf belia dan pekerja mahir. Pertandingan yang berlangsung dari 13 hingga 17 Ogos 2017 ini dirasmikan Timbalan Menteri Kerja Raya.






Pusat Konvensyen Kuala Lumpur

11 Mei 2017

Satu persidangan kebangsaan untuk membincangkan arah tuju kecekapan tenaga di dalam bangunan di Malaysia, telah dianjurkan oleh Building Sector Energy Efficiency Project (BSEEP) satu projek nasional di bawah seliaan Cawangan Alam Sekitar dan Kecekapan Tenaga (CASKT) JKR Malaysia dan Program Pembangunan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP). Persidangan ini telah dirasmikan oleh Menteri Kerja Raya




Kompleks Kerja Raya

25 Julai 2017

Kunjungan Hormat Delegasi Ketua Eksekutif Kerajaan Negara India ke Kementerian Kerja Raya disambut Pengurusan Tertinggi Kementerian





Stesen Petronas PSS Ampangan 2, Seremban, Negeri Sembilan

22 Jun 2017

Acara Coffee Break di 10 buah negeri di lokasi strategik dan popular yang menjadi tempat persinggahan semasa musim cuti perayaan dilancarkan YB Menteri Kerja Raya. Minuman kopi secara percuma disediakan bermula pada 22-23 Jun 2017, dan disambung semula selepas Hari Raya Aidilfitri pada 28-29 Jun 2017.



Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid

11 Mei 2017

YBhg. Dato' Ir. Haji Mohd Fazli bin Osman TKPKR (Sektor Pakar) telah diraikan dalam majlis bagi menghargai jasa bakti sepanjang perkhidmatan beliau di JKR. Pegawai-Pegawai Pengurusan Tertinggi KKR dan JKR serta Pegawai-Pegawai Kanan JKR turut hadir pada majlis tersebut.



JELAJAH FTROADPEDIA ZON UTARA

PERLIS, 24 JULAI 2017

Jelajah FTRoadpedia anjuran Kementerian Kerja Raya telah menjangkau perjalanannya sejauh 2,033km melibatkan Jalan-Jalan Persekutuan merangkumi FTRoadpedia Zon Tengah (203km), Zon

Timur (462km), Zon Selatan (688km) dan terkini adalah Zon Utara yang berlangsung dari 24 hingga 26 Julai 2017 Zon Utara sejauh 680 kilometer.

Antara bandar-bandar utama yang dilalui dalam siri jelajah pada kali ini ialah Ipoh, Georgetown, Alor Setar dan Kangar. Selain itu, Jalan Persekutuan FT01, FT06 dan FT07 turut melalui bandar seperti Rawang, Kuala Kubu Bharu, Tanjung Malim, Slim River, Bidor, Tapah, Gopeng, Kampar, Ipoh, Sungai Siput, Kuala Kangsar, Taiping, Butterworth, Sungai Petani dan Padang Besar.

Sempena sambutan bulan Kemerdekaan, Jelajah FTRoadpedia Zon Utara turut membawa semangat Ekspresi Negaraku



Pasukan Jelajah bergambar kenangan di hadapan Masjid Ubudiah, Kuala Kangsar



Simbolik perasmian

dengan satu kempen kesedaran kepada rakyat mengenai sumbangan besar Jalan Persekutuan.

Kemuncak program adalah Majlis Perasmian Penutup dan Penyerahan Travel Guide Zon Utara oleh YB Menteri Kerja Raya kepada YAB Menteri Besar Perlis. FTRoadpedia travel guide dan infomap adalah bahan rujukan berbentuk ensiklopedia yang memberikan informasi khusus mengenai Jalan Persekutuan. Empat informasi yang ada dalam travel guide ialah MAKAN, LAWAT, REHAT dan RAWAT.



Pelepasan pasukan Jelajah

LAWATAN TAPAK PROJEK FTROADPEDIA ZON UTARA

A

PROJEK MENAIKTARAF JALAN PERSEKUTUAN FT06 TELUK KUMBAR, PULAU PINANG



Tinjauan tapak projek di Teluk Kumbar, Pulau Pinang

- 1 Projek menaiktaraf dari Teluk Kumbar ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bayan Lepas, Pulau Pinang memberi manfaat kepada 196 ribu populasi di kawasan Barat Daya Pulau Pinang terutamanya Bayan Lepas, Teluk Kumbar, dan Balik Pulau.
- 2 Diluluskan dibawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dan merupakan kesinambungan kepada Pembinaan Jambatan Sultan Abdul Halim.
- 3 Pembinaan projek ini telah dimulakan pada 17 Februari 2014 dan dijangka siap pada 23 Disember 2017.
- 4 Dilaksanakan oleh kontraktor tempatan iaitu Image Facade Construction Sdn. Bhd, manakala pihak perunding adalah Jurutera Perunding Fajar Sdn. Bhd.
- 5 Skop pembinaan projek ini meliputi kerja pelebaran jalan daripada 2 lorong sedia ada dinaiktaraf kepada 4 lorong.
- 6 Ia bertujuan menampung peningkatan jumlah kenderaan dan kegiatan ekonomi di kawasan Bayan Lepas hingga ke Teluk Kumbar. Disamping itu, ianya sebagai persediaan untuk

menerima limpahan masuk kenderaan dari Jambatan Sultan Abdul Halim yang telah memulakan operasi.

- 7 Selain itu, dua Jejantas Pejalan Kaki turut disediakan di dua kawasan yang menjadi tumpuan penduduk, terutamanya pelajar sekolah.

2

Pembinaan hospital kini adalah difasa 3 iaitu ianya masih dalam peringkat perolehan manakala fasa 1 dan 2 iaitu kerja-kerja tanah telah pun siap.

3

Luas keseluruhan tapak projek ini kira-kira 21 hektar (53 ekar) dan projek pembangunan pada masa ini melibatkan 5.42 hektar (13.56 ekar).

4

Hospital ini bakal menempatkan kemudahan sebanyak 76 katil yang melibatkan beberapa disiplin perubatan iaitu wad perubatan, pembedahan, orthopedik, pediatrik, wad ibu bersalin dan high dependency unit.

5

Hospital ini turut dilengkapi dengan kemudahan makmal pathology dan x-ray serta bilik untuk melakukan pembedahan.

6

Antara kemudahan-kemudahan perawatan lain ialah rawatan untuk pesakit luar, termasuk bahagian kecemasan, rehabilitasi dan hemodialisis.

B

CADANGAN PEMBINAAN HOSPITAL PARIT BUNTAR, PERAK

1

Bakal memberi manfaat kepada kira-kira 120 ribu penduduk sekitar terutamanya di Daerah Kerian.



JELAJAH FTROADPEDIA ZON UTARA KEMENTERIAN KERJA RAYA

**PERAK - PULAU PINANG
KEDAH - PERLIS**

FTRoadpedia bermaksud JELAJAH BERMAKLUMAT melalui
JALAN PERSEKUTUAN FT (Federal Trunk) .

**“CIPTA DETIK
INDAH BERSAMA”**



5

1 HULU SELANGOR

5 TELUK BAHANG

9 TIMAH TASOH

2 SUNGKAI

6 SUNGAI PETANI

10 PADANG BESAR


3 KUALA KANGSAR

7 GUNUNG JERAI


11 CHUPING

4 TELUK KUMBAR

8 KANGAR



Jelajah **FTROADPEDIA** KEMENTERIAN KERJA RAYA





TWITTER

May 2017 • 31 days

Top Tweet earned 3,838 impressions
YBM @PetraJayaMP bergambar bersama project team @JKR Johor @JKRMalaysia dan Naza Engineering & Construction Sdn Bhd (Naza EC) @MisiahTaib pic.twitter.com/3GeRiOMB1U

Top mention earned 1,129 engagements
Misiah Taib @MisiahTaib May 28
YBM @MOWorks @PetraJayaMP & YBM @KBSMalaysia @Khairykj di Velodrome Nasional Nilai yg akan dirasmikan @menteribesarn9 sebentar lagi pic.twitter.com/2VXCcSavJO

Top Follower followed by 13.7K people
Rela Daerah Tangkak @relatangkak

Top media Tweet earned 2,936 impressions
YBM @PetraJayaMP & YBM @Khairykj memulakan Sembang #TN50 Profesional Muda Industri Pembinaan #Negaraku #InfraRakyat pic.twitter.com/kdGIsK9Gx

MAY 2017 SUMMARY

Tweets	342	Tweet impressions	273K
Profile visits	3,752	Mentions	990
New followers	8,074		

Jun 2017 • 30 days

Top Tweet earned 9,961 impressions
LALUAN ALTERNATIF MENGLAK KESESAKAN SEPANJANG AIDILFITRI 2017 #InfraRakyat @PetraJayaMP @ZohariAkob @RoslanMdTaha Credit to @JKRMalaysia pic.twitter.com/NgsfTG32q

Top mention earned 621 engagements
JKR Malaysia @JKRMalaysia Jun 6
INFOGRAFIK KAEDAH PEMBAIKAN LUBANG JALAN (POTHOLE) #InfraRakyat #Negaraku @PetraJayaMP @RoslanMdTaha @ZohariAkob @RakanKKR @MOWorks pic.twitter.com/2aGo7ceApu

Top Follower followed by 11.9K people
RELA Daerah Mersing @reladms

Top media Tweet earned 5,588 impressions
Lawatan kerja YBM @MOWorks tinjau kerja pembaikan lorong motosikal Fraya persekutuan siap pd 16.12.2016 dgn peruntukan 500K @PetraJayaMP pic.twitter.com/7NQL4gwRt5

JUN 2017 SUMMARY

Tweets	144	Tweet impressions	198K
Profile visits	2,528	Mentions	1,007
New followers	238		

Juli 2017 • 31 days

Top Tweet earned 5,189 impressions
Kualiti lebuhraya negara ini menepati piawai dan setaraf dgn negara2 maju sekaligus menolak dakwaan kpd peningkatan kemalangan di negara ini pic.twitter.com/vWUje0vdAU

Top mention earned 650 engagements
Fadillah Yusof @FadillahYusof Jul 30
Kreatif org jkr @JKRPulauPinang ni @MisiahTaib @JKRMalaysia @MOWorks @RakanKKR pic.twitter.com/3i7x5k1JwF

Top Follower followed by 183K people
M Kayveas @M_Kayveas
President of #myPPP Wishing for PEACE PROGRESS & PROSPERITY for all.

Top media Tweet earned 3,828 impressions
The Real Kajang Move @MRTMalaysia @PetraJayaMP @JKRMalaysia @CIDB_Malaysia @LLMrasmi #17.7.2017 pic.twitter.com/RyNccZvP34

JUL 2017 SUMMARY

Tweets	246	Tweet impressions	308K
Profile visits	3,971	Mentions	1,258
New followers	278		

Aug 2017 • 31 days

Top Tweet earned 4,485 impressions
YBM @PetraJayaMP menaiki Dump Truck di pameran Hari Teknikal dan Kejuruteraan @JKRMalaysia #HariTeknikalJKR2017 @Rosnah_ARS @RoslanMdTaha pic.twitter.com/6STdNLeJbM

Top mention earned 599 engagements
JKR Malaysia @JKRMalaysia Aug 21
Menyingskap era membangun bersama JKR di #HariTeknikalJKR2017 @RoslanMdTaha @PetraJayaMP @ZohariAkob @MOWorks @RakanKKR pic.twitter.com/BrkPxnadiP

Top Follower followed by 100K people
Penjara Malaysia @perparmalaysia
Jabatan Penjara Malaysia / Malaysia Prisons Department

Top media Tweet earned 4,308 impressions
Gamuda IBS is an example of how technology in construction can enhance productivity, quality and safety levels at the construction site. pic.twitter.com/eAGf17jwWF

AUG 2017 SUMMARY

Tweets	243	Tweet impressions	324K
Profile visits	3,511	Mentions	1,409
New followers	277		

Penggiat industri sokong CITP

SERAMAI 53 penggiat industri di Pulau Pinang menyatakan sokongan kepada Program Transformasi Industri Peminaan (CITP) untuk menajuri pembangunan keseluruhan dan hala tuju masa depan sektor pembinaan Malaysia.

Majlis landatangan yang berlangsung sempena seminar CITP bersama penggiat industri dilaksanakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Datuk Sarani Dollah dan Pengurus Besar Kanan Sektor Korporat dan Perniagaan, Lembaga Pembangunan Industri Peminaan (CIDB), Malaysia, Sr Sariah Abdul Karib.

Pada majlis itu, seramai 53 pemaaju, pengeluar, kontraktor dan agensi kerajaan menyatakan komitmen untuk merealisasikan CITP dan menyenaraikan inisiatif khusus untuk transformasi yang akan dilaksanakan masing-masing berdasarkan empat teras strategik CITP.

Sarani berkata, pihaknya gembira melihat penggerak industri di Pulau Pinang tampil dan menyertai perjalanan transformasi ini.

"Komitmen mereka untuk mengubah aktiviti dan proses perniagaan berprestasi dalam CITP akan akhirnya meningkatkan status dan prestasi industri pembinaan Malaysia," katanya.

SINAR HARIAN
TARIKH 11 MAY 2017

Menurutnya, sektor pembinaan adalah satu sektor utama di Malaysia yang mengalami pembangunan lebih daripada 120 jenis industri.

Katanya, industri pembinaan yang berkebolehan, berkualiti tinggi dan efisien adalah penting untuk menarik pelaburan.



Antara 53 penggiat industri pembinaan di Pulau Pinang yang menyatakan sokongan kepada CITP. (baris barisan)

Dua jejantas khas motosikal siap April 2018

Kuala Lumpur: Projek pembinaan dua jejantas khas untuk penunggang motosikal dan kerja menaik taraf lorong motosikal Dibuhaya Persekutuan di Johor siap sepenuhnya pada April 2018, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri Fadillah Yusof.

Beliau berkata, kerja membaik pulih peringkat awal bermula tahun lalu dengan peruntukan RM500,000. Kerja berkenaan dijalankan selepas peruntukan RM29 juta diuluskan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam Bajet 2017 tahun lalu, diterima kementerian. "Kami laksanakan kerja

lebih termasuk membina lorong kecil berukuran tiga meter lebar dan semua jalan keluar masuk motosikal ke jalan utama juga ditambah baik," katanya. - BERNAMA



Lukisan pelan projek Hospital Parit Buntar menggunakan perisian komputer BIM lebih cepat 15 peratus berbanding kaedah konvensional.

Pembinaan Hospital Parit Buntar guna kaedah BIM

Reka bentuk pintar guna imej tiga dimensi, bolehkan kerja mekanikal, elektrik dan diselaras dengan baik

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias wantiebh.com.my
Kuala Lumpur

Pembinaan Hospital Parit Buntar di Perak tidak lama lagi adalah projek pertama menggunakan perisian komputer Building Information Modeling (BIM).

Ketua Pengarah Kerja Raya, Datuk Seri Dr Roslan Md Taha, berkata menerusi BIM, lukisan pelan dapat dihasilkan kira-kira 10 hingga 15 peratus lebih cepat berbanding kaedah konvensional.

Katanya, reka bentuk pintar menggunakan imej tiga dimensi, membolehkan kerja mekanikal dan elektrik diselaras dengan baik, selain menangani masalah koordinasi iaitu kesesakan saiz perabot dan ruang dalam bangunan.

BIM diselaras dengan IBS
"Penggunaan BIM diselaraskan bersama Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang menggunakan komponen prasap disediakan di kilang. Ia membolehkan proses kerja optimum, meminimumkan kos buruh dan elakan pembaziran bahan serta isu alam sekitar."

"JKR dalam proses tender projek pembinaan Hospital Parit Buntar yang baharu yang akan dibangunkan menerusi penggunaan BIM sepenuhnya," katanya kepada BH.

Mengenai IBS, beliau berkata, Amerika Syarikat sudah melaksan

kan teknologi terkini dalam pembinaan jalan, iaitu menggunakan plastik terbuang, pembinaan terowong dasar laut dan perumahan menggunakan IBS.

"Kita juga sudah mengambil beberapa inisiatif seperti membolehkan reka bentuk teknologi hijau yang menjimatkan tenaga elektrik seperti penggunaan solar.

"JKR turut menggalakan pemaaju menggunakan 'Pre-Approved Plan' iaitu satu katalog yang mengandungi 120 reka bentuk siap sedia untuk menjimatkan masa perancangan reka bentuk pembinaan bangunan kerajaan. "Seramai 165 projek pembinaan sudah menggunakan katalog berkenaan sejak ia diperkenalkan pada 2015," katanya.


Harga rumah dijangka susut lima peratus

Penggunaan IBS untuk pembinaan diwajibkan dalam tempoh tiga tahun lagi

Oleh Zanariah Abd Mutalib zanariah_mutalib@bh.com.my
Kuala Lumpur

Harga rumah dijangka susut lima peratus, apabila sistem binaan berindustri (IBS) diwajibkan sepenuhnya terhadap projek pembinaan di Malaysia, dalam tempoh tiga tahun lagi.

Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Peminaan (CIDB), Datuk Ahmad Aeri Abdul Hamid, berkata penaruhan itu boleh dijayakan dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan melalui permintaan terhadap komponen pembinaan yang tinggi.



Fadillah (kiri) mendengar penerangan daripada Uthali Din pada lawatan dan meninjau operasi kilang Gamuda IBS di Sepang, semalam.

Urusan Gamuda Engineering, Datuk Uthali Din. Gamuda IBS adalah kilang IBS pertama di Malaysia yang beroperasi secara automatik robotik sepenuhnya dan mampu menghasilkan sehingga 3,000 unit aparti setahun.

Info
Kelebihan Gamuda IBS

- Penyelenggaraan terawal - pelbagai produk untuk pasaran Malaysia
- Pembinaan mampan - produktiviti tinggi dalam pelaksanaan kerja
- Masa pembinaan lebih singkat - lebih banyak projek siap
- Kualiti yang meningkat dan konsisten - stor tunggal IBS dan Sistem Pengaliran Kualiti dalam Pembinaan (QPSS)

buatkan separa bahan dan penyediaan projek melalui platform digital, adalah model yang akan menjadikan sektor pembinaan resilient dan berdaya saing pada peringkat global.

Uthali Din berkata, kilang keada Gamuda IBS yang turut beroperasi secara automatik robotik sepenuhnya akan dibina di Banting dan dijangka siap pada hujung 2018.

TN50: Pastikan ilmu teknikal diterima rakyat

KUALA LUMPUR 22 Ogos - Warga Jabatan Kerja Raya (JKR) diminta memastikan ilmu teknikal dan kejuruteraan terkini dikembangkan dan diterima umum dalam usaha memacu Transformasi Nasional 2050 (TN50).

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, langkah itu selaras dengan agenda dan visi TN50 yang akan membawa perubahan kepada tadbir urus, pembangunan, ekonomi, sosial serta pendidikan.

Kata beliau, pihaknya juga sentiasa menggalakkan kakitangan JKR meneroka, membangun dan memanfaatkan teknologi terkini dalam menjana ilmu pengetahuan serta kepakaran untuk menghasilkan perkara-perkara baharu dalam bidang teknikal dan kejuruteraan.

"Mendepani dunia tanpa sempadan merupakan cabaran getir bagi warga teknikal kerana kita dalam dunia yang sedang beralih kepada persekitaran digital sepenuhnya. Saya amat gembira de-

ngan hala tuju pengurusan projek kepada *Building Information Modelling* (BIM) yang akan menyelesaikan masalah lama serta meningkatkan kualiti industri binaan secara keseluruhan.

"Jika dahulu, pelan rumah menggunakan kaedah manual namun, dengan BIM yang menggunakan perisian komputer, reka bentuk pintar lebih cepat dan mudah dihasilkan. Justeru, kita perlu mempelopori dan mengungguli kaedah

baharu berasaskan digital agar boleh sahaja sentiasa relevan tetapi menjadi *The Preferred Implementation Agency*," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis Hari Teknikal dan Kejuruteraan JKR Malaysia 2017 di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah timbalannya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin dan Ketua Pengarah JKR, Datuk Seri Ir. Dr. Roslan Md. Taha.

Fadillah turut menyampaikan Anugerah Tokoh JKR 2017 kepada



FADILLAH YUSOF

PLUS tutup lorong tambah nilai mulai 22 Jun ini

KUALA LUMPUR - PLUS Malaysia Bhd. (PLUS) akan menutup kesemua 134 lorong tambahan nilai di plaza tol lebuh raya berkenaan mulai 22 Jun hingga 2 Julai ini bagi melancarkan pergerakan trafik sempena cuti Hari Raya Aidilfitri.

Menurut PLUS dalam satu kenyataan, penutupan itu bertujuan membantu mengurangkan kesesakan disebabkan orang ramai beratur di lorong tersebut untuk menambah nilai kad PLUSMILE dan Touch 'n Go mereka.

"Tambah nilai ini boleh dilakukan di 9,200 lokasi seluruh negara antaranya melalui mesin pengeluaran wang automatik dan



kedai serbaneka 24 jam," tambah kenyataan tersebut yang dikeluarkan di sini semalam.

Menurut PLUS, orang ramai juga boleh melakukan tambah nilai di semua stesen minyak yang beroperasi di kawasan-kawasan Rehat dan Rawat seluruh negara.

"Pusat khidmat pelanggan PLUS juga dibuka antara pukul 7 pagi hingga 10 malam setiap hari bagi memudahkan orang ramai menambah nilai di plaza tol terpilih," kata kenyataan berkenaan.



SIDANG REDAKSI

Penaung

YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob
Ketua Setiausaha KKR

Penasihat

YBhg. Datuk Sarani Bin Dollah
Timbalan Ketua Setiausaha
Pengurusan KKR

Ketua Pengarang

Pn Noreha Mohd Ripin
Ketua Komunikasi Korporat

Pengarang

Haji Shahnun Mohamad
Fauzi Baharudin
Nur Sailsa Kamaruddin Nor Zaman
Nor Adilah Ab Ghani

Jurufoto

Mohd Faisal Bin Sahbudin
Hidayatul Sa'adiyah Binti Saad
Jurufoto Unit Komunikasi
Korporat dan Unit Perpustakaan &
Sumber Jabatan Kerja Raya


Urusetia

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

 pro@kk.gov.my

 www.kkr.gov.my

 KKR_MALAYSIA

 03 8000 8000

 Kementerian Kerja Raya Malaysia

 @MOWorks

 Kementerian Kerja Raya Malaysia